



Khairy diminta bersikap lebih jujur



TAN KOK YEW

Oleh JAMLIAH ABDULLAH 24 Jun 2021, 8:26 pm

ALOR SETAR: DAP Kedah menggesa Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin bersikap lebih jujur dalam menjelaskan kepada rakyat punca kelewatan sebenar pembelian vaksin.

Pengerusinya, Tan Kok Yew berkata, menteri berkenaan dinasihatkan agar jangan sekali-kali cuba menutup kegagalan kerajaan Perikatan Nasional (PN) yang penuh birokrasi, lembap, lemah, sambil lewa dan ketandusan idea dengan dasar yang berubah-ubah dalam menangani pandemik ini selain meletakkan kesalahan kepada rakyat atau pihak-pihak lain.

Duta Kesatuan Eropah (EU) ke Malaysia, Michaelis Kokas menaikan tuduhan Khairy Jamaluddin yang menyuarakan negara Barat kerana membolot bekalan vaksin dan mendedahkan bahawa EU meluluskan segera pengeksportan kira-kira 5 juta dos vaksin Covid-19 bagi membantu Malaysia mempercepatkan PICK.




"Sekali lagi, kerajaan cuba mencari helah dan mengalihkan perhatian rakyat terhadap kegagalan mereka memastikan bekalan vaksin yang mencukupi dan tiba di saat-saat genting ini untuk menangani pandemik Covid-19," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambah beliau, kenyataan menteri berkenaan baru-baru ini bahawa beliau sekarang memilih untuk menggunakan istilah 'imunisasi' dan bukan lagi istilah 'imuniti kelompok' kerana menyedari vaksin bukan penyelesaian yang terjamin untuk pandemik adalah tidak bertanggungjawab.

"Kenyataan ini juga boleh mengelirukan rakyat dan memberi satu gambaran di mana imuniti kelompok seolah-olah bukan cara penyelesaiannya. Terbukti beberapa negara kini telah dibuka semula bagi aktiviti ekonomi serta sosial seperti pelancongan.

"Sekiranya ini bukan penyelesaiannya, maka perbelanjaan dana awam sebanyak RM5 billion tanpa kelulusan Parlimen akan menjadi sia-sia," katanya.




Jelasnya, DAP Kedah dan Pakatan Harapan (PH) Kedah melancar dan mengaturkan pasukan sukarelawan ke seluruh negeri untuk memberi penerangan, kesedaran dan membantu rakyat mendaftar untuk menerima vaksin.

"Kami tidak setuju dan tidak menyokong kerajaan PN tetapi kami mengutamakan nyawa rakyat dan kesihatan awam, kami cintai negara ini dan berdoa agar semua penduduk di Malaysia dapat keluar daripada belenggu pandemik ini dalam masa yang terdekat.


"Kami percaya buat masa ini, vaksin adalah satu-satunya cara untuk membantu rakyat, mengurangkan ancaman Covid-19 terhadap kesihatan awam. Kami sedia bergerak ke arah imuniti komuniti dalam jangka masa yang pendek," katanya.

BERITA SELANJUTNYA


by




Disangka jadi jutawan, rupanya silap




This Bitcoin App Earns Him RM451,857 /mo




Potong kemaluan sendiri sampai putus




Inilah Cara Menjana Wang dengan Bitcoin




Pulau Pinang batal hasrat dapat sendiri vaksin,...




'Tindih' isteri orang, lelaki hayun parang



Percepatkan stok bekalan



10 tahun hidup mewah



Tinggal berseorangan di




POPULAR




Letak jawatan Presiden jalan terbaik

25 Jun 2021, 9:43 am



Menangani keganasan rumah tangga

25 Jun 2021, 9:35 am



Kenali kod plastik bekas makanan anda!

25 Jun 2021, 9:31 am



Wanita maut tersepit, van dinaiki terbabas dalam parit
25 Jun 2021, 9:31 am

Dapatkan
U SKOR A SPM

Setiap Selasa
di dalam **Utusan Malaysia**



'Saya belanja jika tak mampu beli durian'

Itali bangkit daripada lena

Tubuh SPV untuk ambil alih NPL PKS

Kawal emosi ketika bekerja dari rumah

Astro, Netflix meterai perjanjian

BTS mahu pastikan peminatnya tidur nyenyak

BERITA BERKAITAN



Letak jawatan Presiden jalan terbaik

25 Jun 2021, 9:43 am



Wanita maut tersepit, van dinaiki terbabas dalam parit

25 Jun 2021, 9:31 am





Suami isteri beza ketinggian pecah rekod dunia

25 Jun 2021, 9:30 am



Harap kerajaan dengar rintihan warga MAHB agar LTSAAS tidak dijual – Zambry

25 Jun 2021, 9:19 am

Dapatkan

U **SKOR A** **SPM**

Setiap Selasa
di dalam

**Utusan
Malaysia**

PENIKIRAN BAHARU
**Utusan
Malaysia**

PREMIUM

LANGGANAN

